Bukankah Tuhan yang telah menjalankannya di atas kedua-dua kakinya di dunia mampu untuk menjalankannya di atas mukanya pada hari kiamat?

Daripada Qatadah (rahimahullah) berkata: Anas bin Malik رَضِيَ اللهُ عَنْهُ menyampaikan kepada kami bahawa seorang lelaki bertanya: "Wahai Nabi Allah, bagaimana orang kafir akan dihimpunkan di atas mukanya?" Baginda bersabda: "Bukankah Tuhan yang telah menjalankannya di atas kedua-dua kakinya di dunia mampu untuk menjalankannya di atas mukanya pada hari kiamat?" Qatadah berkata: "Tentu sekali, demi kemuliaan Tuhan kami."

[صحيح] [متفق عليه]

Rasulullah ﷺ pernah ditanya: “Bagaimana orang kafir akan dihimpunkan di atas mukanya pada hari kiamat?!” Lalu baginda bersabda: “Bukankah Allah yang telah menjadikannya berjalan di atas kedua-dua kakinya di dunia, berkuasa untuk menjadikannya berjalan di atas mukanya pada hari kiamat?! Maka Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.”

https://sunnah.global/hadeeth/ms/show/65068

النجاة الخيرية
ALNAJAT CHARITY
لجنة الدعوة الإلكترونية
EDC E-Da'wah Committee